

LATIHAN C

Penggunaan perkataan yang **bergaris** dalam ayat-ayat di bawah ini **tidak sesuai**. Gantikan perkataan itu dengan perkataan yang **paling sesuai**.

1. Minyak masak yang berbau busuk itu dibuang oleh ibu kerana tidak selamat untuk digunakan lagi.

2. Irfan Hadi memperoleh markah yang paling lebar dalam mata pelajaran Matematik di kelasnya.

3. Mata Nur Amani lebam apabila terkena syampu yang dipakai pada rambutnya.

4. Kita digalakkan untuk melakukan senaman setiap hari supaya badan sentiasa sakit dan cergas.

5. Nasi yang ditanak oleh kakak lembut kerana terlebih air.

6. Hujan yang turun dengan banyak pada waktu pagi itu menyebabkan kesesakan jalan raya.

7. Murid-murid di dalam kelas itu mendengar dengan halus penerangan yang disampaikan oleh Cikgu Anas.

8. Pesta pantun yang dianjurkan oleh persatuan kami mendapat sambutan yang sejuk.

9. Arus penuh sungai itu telah menghayutkan dua orang remaja yang sedang bermandi-manda.

10. Warna baju Uzair sudah kelihatan layu kerana kerap dibasuh.

LATIHAN D

Padankan **kata adjektif** di bawah dengan jenis-jenisnya.

KBAT
Menganalisis

1. Badan nenek semakin lemah selepas menjalani kimoterapi akibat kanser.

Kata adjektif waktu

2. Para penonton bersorak-sorak sehingga serak suara ketika pasukan mereka menjaringkan gol.

Kata adjektif perasaan

3. Saya berasa segan dengan Tengku Marissa kerana dia anak orang berada.

Kata adjektif warna

4. Sikap gopoh semasa menjawab soalan dalam peperiksaan perlu dihindari oleh semua murid.

Kata adjektif pancaindera

5. Usah dikenang segala penderitaan yang dialami pada waktu yang lampau.

Kata adjektif jarak

6. Kakak membalut luka di jari adik dengan perca kain yang nipis.

Kata adjektif bentuk

7. Kotak yang berbentuk bujur itu dibalutnya dengan berhati-hati.

Kata adjektif ukuran

8. Remaja perempuan itu nyaris menemui ajal dalam kemalangan.

Kata adjektif cara

9. Baju kebaya merah berlabuci yang dipakai oleh Datin Faralina menarik perhatian semua tetamu.

Kata adjektif sifat atau keadaan

LATIHAN E

Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

KBAT
Menganalisis

1. Fikiran Pak Jamal mulai menjadi racau setiap kali mengenangkan belanja persekolahan anak-anaknya pada awal tahun.

2. Para pembeli tidak harus terpedaya dengan kempen-kempen jualan morah di pasar raya.

3. Buah peria sungguh pahet rasanya tetapi amat baik untuk dijadikan ubat.

4. Renungan tajjam pemuda itu menyebabkan saya berasa serba salah.

5. Sampah sarap yang sudah lama tidak dikutip di simpang jalan itu mengundang bau yang busok.

6. Minat anak kembar Zainul lebih cundung kepada bidang kejuruteraan berbanding bidang perubatan.

7. Pakaian yang jarrang amat mencolok mata sesiapa jua yang memandang.

8. Anak yatim itu dahago akan kasih sayang seorang ibu kerana ibunya telah meninggal dunia sejak dia dilahirkan.

9. Gunung Everest merupakan gunung yang paling tingi di dunia.

10. Khee Hon merupakan atlet paling lajo dalam acara balapan, terutamanya larian 100 meter.